

LAPORAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DIAUDIT

BAGI

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
TAHUN 1979

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
~~KEMENTERIAN PERKELAKSANAAN PERTANIAN PERSEKUTUAN~~

LAPORAN TAHUN FAMA 1979

PERKARA

Muka Surat

1.	LEMBAGA FAMA	
1.1	Penubuhan dan Fungsi FAMA	1
1.2	Organisasi Lembaga	2
1.3	Organisasi FAMA	3
2.	PENTADBIRAN & KEWANGAN	
2.1	Perjawatan & Kakitangan	
2.2	Latihan	4
2.3	Kewangan	5
3.	PROJEK PEMBANGUNAN	
3.1	Kemajuan Perlaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Pemasaran Koko	6
3.2	Pusat Menggred, Mengesah & Menyimpan Koko	6
3.3	Pusat Memproses Koko Sabak Bernam	6
3.4	Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian	6
3.5	Pusat Memproses Kelapa Kering	7
3.6	Kilang Minyak Kelapa	7
3.7	Bilik Sejuk	7
3.8	Ujikaji Penyimpanan Sejuk Bagi Sayur-sayuran dan Buah-Buahan	7
4.	PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN	
4.1	Penyiasatan & Penyelidikan	8
4.2	Kajian Pemerosesan Basah Kopi Jambu	8
4.3	Kajian ke Atas Kelapa dan Kelapa Kering	8
4.4	Penyertaan Di Dalam Jawatankuasa Teknikal	8
4.5	Kajian Mengenai Penyejukan Awal (Pre-cooling) Untuk Sayur-Sayuran dan Buah-Buahan	8
4.6	Perakuan Kuota Bulanan Impot Kubis	8
4.7	Kajian ke Atas Dasar Perusahaan Berasaskan Pertanian	9
4.8	Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu	9
4.9	Panel Piawaian dan Memeringkat Mutu SIRIM	9
5.	PEMASARAN	
5.1	Luang Pasaran	10
5.2	Projek Jualbeli	10
5.3	Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian	10
5.4	Pusat Memproses	10
5.5	Pengedaran	10
5.6	Penyimpanan dan Pengangkutan	11
5.7	Saiz Pasaran	11
5.8	Buku Panduan dan Risalah Kemajuan Pasaran	11
5.9	Rancangan Memajukan Jualan Tempatan	11
5.10	Pemasaran dan Rombongan Perdagangan ke Luar Negeri	11
5.11	Kerja Label dan Package Design	11
5.12	Maklumat Pasaran	12
5.13	Risikan Pasaran	12
5.14	Peningkatan Pasaran dan Pemerosesan Data	12
5.15	Khidmat Nasihat (Perkembangan)	13
5.16	Kawalan Pasaran	13
6.	CARTA ORGANISASI FAMA 1979	14
7.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	15-20
8.	PENYATA-PENYATA KEWANGAN FAMA BAGI TAHUN 1979	21-43

LAPORAN TAHUNAN FAMA

1. LEMBAGA FAMA

1.1 Penubuhan dan Fungsi FAMA

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ialah sebuah badan berkanun kerajaan di bawah Kementerian Pertanian yang telah ditubuhkan pada 30hb. September, 1965 dengan termaktubnya Akta 49, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965; dan Akta 141, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1974. Mengikut fasal 3 (1), bahagian (2) Akta tersebut, tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan keatas FAMA adalah seperti berikut:—

- (a) Untuk menyelaras aktiviti-aktiviti dibidang pemasaran hasil-hasil pertanian oleh orang perseorangan atau badan-badan pertubuhan (samada dikanunkan atau tidak dan samada di dalam perkhidmatan kerajaan atau sebaliknya) yang terlibat atau mungkin terlibat didalam sebarang bidang pemasaran hasil-hasil pertanian.
- (b) Untuk mempertimbangkan dan memajukan, jika perlu cara-cara dimana pasaran dan cara pemasaran hasil-hasil pertanian dapat diperbaiki; dan untuk mencari serta memajukan pasaran baru dan ruang-ruang pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian.
- (c) Untuk bekerjasama dengan orang-orang perseorangan atau pertubuhan (samada dikanunkan atau tidak dan samada di dalam perkhidmatan kerajaan atau sebaliknya) bagi menggalakkan kecekapan dan kekesan dalam pemerosesan hasil-hasil pertanian.
- (d) Untuk menggalakkan dan memajukan pengurusan yang cekap dan berkesan bagi perusahaan-perusahaan yang mengendalikan pertanian atau memproses hasil-hasil pertanian.
- (e) Untuk menyediakan dan mengawas kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran hasil-hasil pertanian dan memastikan bahawa kemudahan-kemudahan tersebut digunakan dengan sepenuhnya; dan
- (O) Untuk menyertai didalam perusahaan-perusahaan pertanian atau perusahaan memproses hasil-hasil pertanian.

Bidang dan hasil-hasil pertanian yang dipertanggungjawabkan untuk dikendalikan oleh FAMA meliputi semua hasil-hasil pertanian selain daripada getah, kelapa sawit, nenas, padi dan beras, ikan, ternakan dan tembakau. Lembaga ini bertanggungjawab kepada Y.B. Menteri Pertanian dan Perikanan di dalam menjalankan tugas-tugasnya.

1.2 Organisasi Lembaga

1.2.1 Ahli Lembaga

Mengikut fasal (2) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, Lembaga mempunyai 14 orang ahli yang terdiri daripada Pengerusi dan Ketua Pengarah serta 12 orang ahli-ahli biasa. Pengerusi, dan 12 orang ahli-ahli biasa adalah terdiri daripada 7 orang ahli rasmi dan 5 orang ahli tidak rasmi yang dilantik oleh Y.B. Menteri Pertanian.

Ahli Rasmi

- (i) Pengerusi Lembaga - Y.B. Shamsuri bin Md. Saleh, AMN, JP.
- (ii) Ketua Pengarah - Kekosongan
- (iii) Wakil Perbendaharaan - Encik Jaafar bin Mat
- (iv) Wakil Kementerian Perdagangan & Perindustrian - En. Ahmad b. Saadi
- (v) Wakil Kementerian Pertanian - Tuan Haji Ahmad Hasan bin Osman
- (vi) Wakil Bahagian Pertanian Kementerian Pertanian - Dato Hj. Khalid b. Abdul Rahman
- (vii) Wakil Kementerian Perusahaan Utama - En. Ismail b. Hj. Ahmad
- (viii) Wakil Unit Perancang Ekonomi - Puan Faizah bte. Mohd. Tahir
- (ix) Wakil Lembaga Pertubuhan Peladang - Tuan Hj. Ahmad Sarji b. Abd. Hamid

Ahli Tidak Rasmi

- (i) Y.B. Che Lat bin Kassim
- (ii) Y.B. Dato Hj. Abdullah bin Hj. Sudin
- (iii) En. Wan Lokman bin Datuk Wan Ibrahim
- (iv) En. Mohd Mazlan bin Idris
- (v) Kekosongan

Disamping itu, 2 Jawatankuasa Kerja telah juga ditubuhkan bagi mengendalikan urusan Pentadbiran dan Kewangan Lembaga iaitu Jawatankuasa Kerja Perjawatan dan Jawatankuasa Kerja Kewangan.

1.2.2 Ahli Jawatankuasa Kerja Perjawatan

- (i) Ketua Pengarah
- (ii) Wakil Kementerian Pertanian
- (iii) Wakil Perbendaharaan
- (iv) Wakil Jabatan Perkhidmatan Am
- (v) Y.B. Che Lat bin Kassim

1.2.3 Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kewangan

- (i) **Ketua Pengarah**
- (ii) **Wakil Kementerian Pertanian**
- (iii) **Wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri**
- (iv) **Wakil Perbendaharaan**
- (v) **Y.B. Dato Hj. Abdullah b. Hj. Sudin**

Sepanjang tahun 1979, Lembaga telah bersidang sebanyak 3 kali; Jawatankuasa Kerja Perjawatan telah bersidang sebanyak 3 kali; dan Jawatankuasa Kerja Kewangan pula telah bersidang sebanyak 5 kali.

1.3 **Organisasi FAMA**

Organisasi Ibupejabat FAMA adalah dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu:—

- (i) Bahagian Pentadbiran & Kewangan
- (ii) Bahagian Kemajuan Projek
- (iii) Bahagian Pemasaran
- (iv) Bahagian Perisik & Kemajuan Pasaran
- (v) Bahagian Perancang & Penilaian

Carta organisasi FAMA bagi tahun 1979 adalah seperti didalam lampiran.

2. PENTADBIRAN & KEWANGAN

Khidmat Bahagian ini ialah untuk mewujudkan dan melaksanakan sistem pentadbiran termasuk bekalan yang cekap dan berkesan disemua peringkat; disamping mengadakan kakitangan yang berkelayakan, terlatih dan berdisiplin untuk melaksanakan tugas-tugas FAMA. Ia juga bertanggungjawab untuk menguruskan Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Perniagaan dan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan/Perumahan.

2.1 Perjawatan & Kakitangan

Sejumlah 80 Jawatan baru telah diluluskan bagi tahun 1979 menjadikan jumlah besar Jawatan kepada 395. Didalam tahun 1979, sebanyak 49 Jawatan telah dibuat pengambiln dan terdapat 9 perletakan jawatan.

Beberapa jawatan yang mempunyai ciri-ciri kelayakan dan tugas-tugas yang bersamaan telah disatukan seperti berikut:

- (a) Pegawai Kerja Pemasaran - Merinyu Pemasaran,
Pembantu Penyelidik
- (b) Pembantu Pemasaran - Pembantu Merinyu Pemasaran,
Penolong Pemberita Pasaran,
Penyelia Pusat Pemasaran.
- (c) Ahli Ekonomi Pertanian - Ahli Ekonomi Pertanian,
Penolong Pengarah, Pengarah.

Beberapa skim perkhidmatan baru telah diluluskan untuk peningkatan (up-grading). Jawatan yang berkenaan ialah skim Merinyu Pemasaran Kanan dan Pembantu Penyelidik Kanan serta Pembantu Pemasaran Kanan. Skim Jawatan baru yang lain yang telah diujudkan termasuk Pengatur Rancangan Komputer (Programmer), Boiler Man/Chargeman, Pemeriksa, Jurutera Jentera dan Jurutera Letrik.

2.2 Latihan

Seorang pegawai Lembaga yang telah dihantar untuk mengikuti kursus Sarjana di Hawaii di bawah biasiswa Fulbrite telah pulang untuk memulakan tugas pada bulan Ogos 1979. Dua orang pegawai dari Kumpulan B telah dihantar bagi kursus luar kampus di Universiti Sains Malaysia. Disamping itu, pegawai-pegawai telah juga dihantar untuk menghadiri kursus-kursus pendek di INTAN, MTM, PDPN dan seminar-seminar anjuran tempatan dari masa kesemasa. Latihan praktikal juga telah diberikan kepada Pengurus Kilang samada secara latihan dalam kerja atau dihantar ke kilang minyak swasta. Ini adalah sebagai langkah bagi menyediakan mereka untuk melaksanakan kilang memproses minyak tahun 1980.

Satu Seminar Pembangunan telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan kerja Lembaga secara keseluruhannya dan mengkaji rancangan-rancangan dibawah Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia ketiga dan Keempat.

Kemudahan latihan ilmiah juga disediakan kepada pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi seperti Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Politeknik Ungku Omar.

2.3 **Kewangan**

Bahagian Kewangan terus menyumbangkan perkhidmatan untuk mengendalikan perakaunan FAMA. Penyata kira-kira bagi tahun 1976 adalah didalam proses pengauditan. Kira-kira tahunan 1977 adalah hampir siap untuk dikemukakan kepada Juruaudit.

Bahagian Pentadbiran telah mengendalikan perkhidmatan insurans bagi melindungi kebakaran dan kecurian keatas harta-harta projek FAMA. Disamping itu, perkhidmatan SOCSO dan Pampasan Pekerja (Workman Compensation) telah diberikan kepada kakitangan. Sejumlah 7 orang kakitangan Lembaga telah dimasukkan ketaraf berpencen dan tuntutan EPF telah juga diuruskan bagi dua orang kakitangannya.

Kerja-kerja merekodkan Akaun Projek Perniagaan dan Pusat Memproses telah diambil alih dari pejabat negeri oleh Ibu Pejabat. Kes-kes Siberhutang Projek Perniagaan dalam tindakan tahun 1978 telah dibawa ke tahun 1979.

3. PROJEK PEMBANGUNAN

Matlamat aktiviti ini ialah untuk merangka rancangan-rancangan dan melaksanakan projek-projek pembangunan FAMA yang berkaitan dengan pemasaran dan pemerosan supaya dapat disediakan prasarana pemasaran yang secukupnya untuk menjamin luang-luang pasaran bagi hasil pertanian dan menyediakan kemudahan-kemudahan memproses bagi meninggikan nilai bahan-bahan pertanian.

3.1 **Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Pemasaran Koko**

Kerja-kerja berkaitan dengan pengumpulan dan penganalisan mutu-mutu biji koko pekebum kecil dari semua kawasan tanaman utama telah dijalankan dan satu laporan lengkap mengenainya telah disediakan. Laporan ini digunakan sebagai asas dalam menetapkan gred koko yang akan dieksport oleh Malaysia.

3.2 **Pusat Menggred, Mengesah dan Menyimpan Koko**

Dalam tahun 1979, kedudukan pelaksanaan projek-projek pusat menggred, mengesah dan menyimpan koko adalah seperti berikut: Tapak tanah telah diperolehi bagi projek di Butterworth dan Pelabuhan Kelang. Kerja-kerja perancangan rekabentuk telah di laksanakan. Walau bagaimanapun, tapak-tapak di Pasir Gudang dan Kuching masih didalam proses menge-nalpasti tanah.

3.3 **Pusat Memproses Koko Sabak Bernam**

Kerja bagi menyediakan penubohan pusat memproses koko di Sabak Bernam telah diselesaikan dan kerja pembinaan telah dimulakan pada November, 1979. Ujikaji telah dijalankan bagi memeram biji koko basah selama satu bulan di Tanjung Karang untuk menentukan kotak memeram yang lebih sesuai bagi mengeluarkan biji koko kering dengan mutu yang baik. Permohonan pinjaman wang bagi pembiayaan projek ini telah disediakan dan dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan.

3.4 **Pusat Pemasaran Hasil Pertanian**

Projek-projek yang sedang didalam pembinaan adalah di Batu Kurau, Pasir Putih, Beseri/Perlis, Manong (Kuala Kangsar). Sementara itu, tawaran pembinaan telah diberikan kepada projek-projek di Bachok, Jelevu dan Jerantut. Pengambilan balik tapak telah diselesaikan bagi projek-projek di Kuala Krai, Kuala Pilah, Lanchang (Temerloh), Besut, Tanah Merah, Mesjid Tanah, Binjai Rendah (Kuala Terengganu), Belimbing Kanan (Padang Terap), Kuala Ketil (Baling), Changkat Jong (Hilir Perak) dan Chengkau (Rembau).

3.5 **Pusat Memproses Kelapa Kering**

Dalam tahun 1979, dua buah Pusat Memproses Kelapa Kering telah dibina di Kuala Selangor dan di Sebangau. Projek di Tumpat, Kelantan adalah sedang dalam pembinaan. Sementara itu, pengambilan tapak-tapak telah diselesaikan atau didalam proses akhir bagi projek-projek di Kampung

Kundang (Kuala Langat), Tengah Nipah (Lahat Datu), Sebatu (Jasin) Kudat, dan Mukim Lubok (Batu Pahat). Dua kajian kemungkinan mengenai penubuhan dua buah Pusat Memproses Kelapa Kering di Kuala Terengganu dan Kabong (Sarawak) telah dijalankan dan hasilnya menunjukkan bahawa cadangan di Kuala Terengganu adalah tidak sesuai kerana kekurangan kelapa biji dan kelapa kering sementara harga pasarannya adalah tinggi. Penubuhan Pusat Memproses Kelapa Kering di Kabong telah diperakukan.

3.6 Kilang Minyak Kelapa

Kilang Minyak kelapa di Bachok telah siap dibina pada tahun 1979 dan kertas kerja pengurusan dan operasi kilang telah disediakan. Kilang di Kudat dan Hilir Perak telah melantik dua buah syarikat yang perlu bagi merancang dan membentuk kilang. Permohonan pinjaman wang bagi membiayai kedua projek ini telah diluluskan oleh Perbendaharaan. Kajian pengambilan balik tapak untuk kilang di Kudat masih dijalankan dalam tahun 1979.

3.7 Bilik Sejuk

Kemajuan permohonan dan pengendalian tanah bagi mendirikan bilik sejuk telah dijalankan. Sejumlah 13 tapak telah diperolehi dan sedia untuk dimulakan pembinaan (Kota Bharu, Kuching, Besut, Kuala Terengganu, Kuantan, Jerantut, Tangkak, Kuala Pilah, Kuala Selangor, Ulu Langat, Hilir Perak, Ipoh dan Kuala Kangsar). Tapak-tapak di Johor Bahru, Bukit Mertajam, Cameron Highlands, Melaka, Seremban dan Alor Setar berada di peringkat perolehan terakhir. Tapak tanah di Batu Pahat, Kelang, Sungai Petani dan dua tempat lain adalah di dalam pertimbangan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

3.8 Ujikaji Penyimpanan Sejuk Bagi Sayur-Sayuran dan Buah-Buahan

Dengan kerjasama pihak MARDI, ujikaji penyimpanan sejuk telah dijalankan bagi 16 jenis sayur-sayuran dan buah-buahan yang dipilih. Laporan permulaan mengenai ujikaji ini telah dikumpulkan.

4. PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN

Matlamat aktiviti ini ialah untuk mengadakan cukup maklumat pasaran kepada petani-petani dan lain-lain pihak bagi membolehkan perancangan kegiatan-kegiatan petani.

4.1 Penyiasatan dan Penyelidikan

Laporan penyiasatan pemasaran dan penyelidikan bagi kelapa untuk kawasan Lahad Datu (Sabah), Sebangau (Sarawak) dan Kuala Terengganu telah disediakan. Disamping itu, laporan penyiasatan pemasaran dan penyelidikan koko bagi Bahagian Pertama dan Kedua di Sarawak telah juga disediakan.

4.2 Kajian Pemerosesan Basah Kopi Jambu

Lawatan ke Indonesia telah dibuat untuk meninjau sistem memproses kopi secara basah dan satu laporan telah disediakan untuk tujuan memperbincangkan sistem ini samada sesuai atau tidak dilaksanakan oleh FAMA.

4.3 Kajian ke atas Kelapa dan Kelapa Kering

Satu kajian ke atas faktor-faktor yang menjejaskan bekalan kelapa dan kelapa kering ke Pusat Memproses Kelapa Kering FAMA di Bachok, Bagan Datoh dan Sabak Bernam telah disediakan. Disamping itu, satu kajian dan laporan telah dilaksanakan bagi mengesan arah alir harga minyak kelapa dan kelapa kering di peringkat pasaran dunia, (Rotterdam) dan di peringkat dalam negeri.

4.4 Penyertaan didalam Jawatankuasa Teknikal

FAMA telah menyertai dalam beberapa Jawatankuasa Teknikal seperti Jawatankuasa Teknikal SIRIM mengenai minuman, minyak sayuran, rempah-rampai. Perwakilan FAMA telah juga turut serta dalam Jawatankuasa Projek Pembangunan Krian/Sungai Manik, Balik Pulau/Seberang Perai, penggunaan kemudahan terhadap tanah dan Pelabuhan-pelabuhan, Projek Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa, Program-program Perkembangan dan Penyelidikan untuk Rancangan Malaysia Keempat.

4.5 Kajian Mengenai Penyejukan Awal (Pre-cooling) untuk Sayur-sayuran dan Buah-buahan

Satu laporan mengenai ciri penyejukan awal yang dipelajari di Australia telah dikumpulkan sebagai salah satu garis panduan dalam merancang bilik sejuk di Semenanjung.

4.6 Perakuan Kuota Bulanan Import Kubis

FAMA meneruskan perkhidmatan dengan Jawatankuasa ini dan mengemukakan kertas kerja bulanan mengenai kuota import kubis. Kajian bulanan tentang harga, pengeluaran dan penggunaan kubis telah dikemukakan untuk tindakan pihak yang berkenaan.

4.7 **Kajian ke atas Dasar Perusahaan Berasaskan Pertanian**

Kajian-kajian ke atas perusahaan berasaskan pertanian mengenai buah-buahan, sayur-sayuran, kacang-tanah dan lain-lain tanaman pekebunan telah dilakukan. Penyertaan FAMA juga adalah didalam Ahli Jawatankuasa Dasar Rancangan Makanan dalam mengkaji laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) khususnya mengenai dasar peranan makanan ternakan.

4.8 **Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu**

FAMA telah menyertai di dalam merancang perkhidmatan pemasaran dan prasarana pemasaran yang diperlukan bagi projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu seperti di Negeri Sembilan Timur, Pahang Barat, Barat Daya Selangor, Lembah Kedah dan Melaka. Projek-projek yang telah diusulkan adalah seperti penyimpanan bilik sejuk, pengangkutan, pusat pemasaran dan kemudahan pasar borong di kawasan yang berkenaan.

4.9 **Panel Piawaian dan Memeringkat Mutu SIRIM**

FAMA juga terlibat dalam perancangan berkaitan dengan piawaian dan memeringkat mutu buah-buahan, sayur-sayuran, jagung dan kacang tanah.

5. PEMASARAN

Matlamat program pemasaran ialah untuk memastikan bahawa petani-petani mendapat ruang pasaran bagi hasil pengeluaran mereka disamping menggalakkan pertumbuhan pasaran yang pesat bagi komoditi-komoditi yang berkenaan. Sementara itu, program ini juga bertujuan untuk menyediakan maklumat-maklumat pasaran yang diperlukan oleh petani serta mengujudkan kawalan-kawalan pasaran supaya mengurangkan penyelewengan didalam sistem pemasaran. Kesemua aktiviti-aktiviti ini ialah dilakukan dengan tujuan untuk memperbaiki sistem pemasaran bagi hasil pertanian khususnya bagi petani-petani kecil.

5.1 Luang Pasaran

Matlamat aktiviti luang pasaran ini ialah untuk memastikan bahawa petani-petani mendapat harga yang baik dan tidak kurang daripada kos pengeluaran bagi hasil pertanian yang berkenaan.

5.2 Projek Jualbeli

Dalam tahun 1979, projek ini telah mengurus niagakan sejumlah \$2 juta hasil-hasil pengeluaran pertanian. Barangan utama yang dikendalikan ialah koko, kelapa kering, ubi kayu, kacang tanah, buah-buahan dan sayur-sayuran. Penumpuan daerah-daerah pemasaran adalah Kuala Selangor, Sabak Bernam, Hilir Perak dan Sitiawan bagi koko; Kuala Selangor, Sri Gading, Pekan bagi kelapa kering; dan kacang tanah di Pasir Mas, Pekan dan Kuantan. Koko yang dibeli adalah untuk dieksporth ke luar negeri khususnya German Barat.

5.3 Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian

Pada tahun 1979, tiga buah Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian telah dimulakan operasinya iaitu Tanjung Karang, Seri Gading dan Tangkak. Di Pusat-pusat ini dilakukan aktiviti jualbeli disamping aktiviti lain seperti perkembangan pemasaran dan siaran harga-harga hasil pertanian.

5.4 Pusat Memproses

Dalam tahun 1979, enam buah Pusat Memproses telah beroperasi dengan sepenuhnya. Sebuah Pusat Memproses Kelapa Kering Kuala Selangor telah bermula operasinya pada Oktober 1979 dan sebuah Pusat Memproses Kelapa Kering Sebangon, Sarawak telah terbakar. Nilai bahan-bahan mentah yang diproseskan oleh pusat memproses ialah sejumlah \$2.3 juta.

5.5 Pengedaran

Dalam tahun 1979 bahan-bahan yang diproses bernilai \$2.3 juta telah diuruskan. Oleh kerana Unit Pengedaran belum lagi ditubuhkan pada ketika itu, pengedaran dan jualan bahan-bahan dan yang diproses telah menghadapi berbagai masalah seperti dokumentasi, agen-agen yang tidak jujur, kos pengedaran yang tinggi, layanan pelanggan dan kakitangan analisa kemajuan. Berikutan dari ini, beberapa buah Pusat Memproses tidak dapat bergerak untuk membeli atau menjual dengan kadar yang memuaskan

sehingga menyebabkan tingkat kegiatan Pusat-pusat Memproses sangat berkurangan.

5.6 Penyimpanan dan Pengangkutan

Perancangan untuk pelaksanaan projek bilik sejuk telah dibuat dalam tahun 1979. Kerja yang dilakukan termasuk menentukan tanaman dikawasan bilik sejuk, keluasannya, cara pengedaran dan luang-luang pasaran. Aktiviti projek ini adalah termasuk mengurus lori-lori yang ada disamping merancang pembelian dan operasi tambahan bagi 20 buah lori.

5.7 Saiz Pasaran

Tujuan program ini ialah untuk menggalakkan pertambahan pasaran bagi hasil-hasil pertanian Malaysia supaya petani-petani dapat meluaskan pengeluaran hasil-hasil pertanian dan menikmati faedah daripadanya.

5.8 Buku Panduan dan Risalah Kemajuan Pasaran

Buku panduan pengimpor, directory pengeksport dan Malaysia's Showcase yang merupakan risalah mengenai kemajuan pasaran telah dicetak dan disebar.

5.9 Rancangan Memajukan Jualan Tempatan

Usaha-usaha yang memuakkan bagi memajukan jualan serbuk kopi dan kacang tanah telah dilakukan seperti pengiklanan di akhbar dan majalah, mengadakan poster dan menyertai pesta.

5.10 Pemasaran dan Rombongan Perdagangan ke Luar Negeri

Dalam tahun 1979, FAMA telah menyertai pameran dan Rombongan berikut:

- (a) Rombongan perdagangan ke European Economic Countries (EEC)
- (b) Rombongan perdagangan ke Amerika Syarikat dan Kanada
- (c) Pameran di Los Angeles dan Amerika Syarikat.

5.11 Kerja Label dan Package Design

Dalam tahun 1979 label design bagi serbuk kopi dalam tin dan kacang tanah telah ditukarkan supaya menjadi lebih menarik lagi.

5.12 Maklumat Pasaran

Tujuan program ini ialah untuk menambahkan pengetahuan mengenai pasaran dan pemasaran hasil pertanian kepada petani-petani lain-lain pihak yang berkenaan. Program ini mengandungi kegiatan-kegiatan seperti risikan pasaran, pengangkutan dan pemerosesan data komputer dan khidmat nasihat kepada petani-petani (Perkembangan).

5.13 **Risikan Pasaran**

Tujuan aktiviti ini ialah untuk mengadakan cukup maklumat pasaran bagi sejumlah 50,000 orang petani dan lain-lain pihak yang berkenaan untuk membolehkan mereka merancang kegiatan-kegiatan pertanian.

Dalam tahun 1979, kemajuan aktiviti perisik pasaran ini boleh dirumuskan seperti berikut:-

- (i) penyebaran Analisa Mingguan Barangan-barangan Terpilih melalui radio dan televisyen Malaysia.
- (ii) penerbitan dan penyebaran Laporan Barangan Mingguan, Laporan Barangan Bulanan dan Laporan Barang Suku Tahun yang semuanya mengandungi analisa harga bagi pelbagai hasil tanaman.
- (iii) pengumpulan maklumat-maklumat dan data untuk penerbitan 'Monthly Data Extracts'.
- (iv) penyediaan kajian harga bagi barangan terpilih untuk disampaikan kepada Kementerian Pertanian dan Pasukan Petugas Mengenai Beras dan Barang-barang Perlu.
- (v) menjalankan kajian mengenai kos pengeluaran, jidar pemasaran, dimana data ini adalah didalam peringkat diproses.
- (vi) pengesanan mengenai pengeluaran buah-buahan bermusim dan keadaan pemasaran di pasar borong.
- (vii) menjalankan kegiatan potensi pasaran bagi projek-projek pertanian bersepadu di beberapa projek seperti Negeri Sembilan Timur, Melaka dan Ketengah.

5.14 **Peningkatan Pasaran dan Pemerosesan Data**

Tujuan aktiviti ini ialah untuk mengadakan maklumat dan data pemasaran pertanian meliputi seluruh negeri untuk kegunaan rancangan-rancangan Kemajuan Pasaran.

Dalam tahun 1979, kemajuan pelaksanaan aktiviti ini adalah seperti berikut:

- (i) Penyiasatan Penggunaan Kubis Malaysia
- (ii) Penyiasatan Pemasaran Pisang
- (iii) Penyiasatan Mengenai Syarikat Kerjasama Johor
- (iv) Penyiasatan Mengenai Pusat-Pusat Memproses di Perak
- (v) Penyiasatan Mengenai Kedai-Kedai Luar Bandar di Selangor
- (vi) Penyiasatan Mengenai Pasar Sehari di Terengganu
- (vii) Penyiasatan Mengenai Pasar Bandar di Kelantan.

Sebagai aktiviti susulan, maklumat dan data yang diperolehi ini diproses oleh komputer disamping menganalisa maklumat-maklumat yang diperolehi mengenai risikan pasaran.

5.15 **Khidmat Nasihat (Perkembangan)**

Tujuan aktiviti ini ialah untuk memberi **khidmat nasihat** kepada petani-petani didalam perbagai bidang **amalan** pemasaran seperti **menyimpan, mengangkut, membungkus** supaya ianya dilakukan dengan baik.

Dalam tahun 1979, aktiviti-aktiviti berikut telah dilaksanakan:

- (i) **FAMA** telah mengambil bahagian didalam 19 pertunjukan/ Pesta Pembangunan di dalam negeri.
- (ii) Menjalankan **ceramah** dan dialog di **Pusat-pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian** di Tg. Karang, Parit Raja dan Tangkak.
- (iii) Menerbitkan risalah-risalah mengenai perkembangan pemasaran.
- (iv) Menayangkan 'slides' mengenai amalan-amalan pemasaran bagi barangan terpilih.

5.16 **Kawalan Pasaran**


Tujuan program ini ialah untuk menentukan supaya penyelewengan-penyelewengan di dalam amalan pasaran tidak berlaku dan bagi menambahkan pasaran **hasil-hasil** pertanian dengan membolehkan petani mendapatkan pulangan yang **lebih baik** bagi **hasil** pertanian mereka.

Dalam tahun 1979, **Rancangan Kawalan Pemasaran** yang telah dikuatkuasakan ialah kopi dalam negeri Selangor, kelapa dan kelapa kering bagi negeri Perak, Kelantan, Terengganu dan **Pulau Pinang** dan sayur bagi kawasan-kawasan yang tertentu di negeri Johor. Rancangan Kawalan Pemasaran Lada **Hitam** adalah dibawah **tanggungjawab** Jemaah Pemasaran Lada Hitam.


Melalui Rancangan Kawalan ini, **perlesenan** telah dibuat kepada 252 peniaga kopi termasuk 152 pemeroses. Bagi buah kelapa dan kelapa kering, bilangan pelesen ialah sejumlah 869 orang termasuk 376 pemeroses. **Bilangan** peniaga sayur yang dilesenkan ialah 399 orang.

Kerja penguatkuasaan rancangan-rancangan yang berkenaan telah diteruskan dalam tahun 1979 bagi **mempastikan** pelesen-pelesen mematuhi syarat-syarat pelesenan dan beberapa orang peniaga tidak berlesen telah diambil tindakan.

CARTA ORGANISASI FAMA 1979



CARTA ORGANISASI FAMA 1979



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
KIRA-KIRA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1979**

Kunci Kira-kira Yang Disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota kepada Kira-kira yang berkembar ini telah diperiksa di bawah arahan saya mengikut Akta Audit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati kecuali apa yang dinyatakan di bawah ini.

Tertakluk kepada pemerhatian-pemerhatian dalam perenggan 2 hingga 9 yang berikut, pada pendapat saya:

- (i) Kunci Kira-kira Yang Disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota terhadapnya telah diperbuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan pada 31 Disember 1979 dan urusan-urusan berkaitan dengannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu; dan
- (ii) Rekod-rekod perakaunan dan daftar-daftar yang diperiksa oleh pegawai-pegawai audit telah diselenggarakan dengan memuaskan.

KAWALAN DALAM

2. Seperti yang dinyatakan di perenggan 3 Laporan Audit bagi tahun lalu, kawalan dan penyeliaan atas urusan-urusan kewangan dan perakaunan pada amnya adalah kurang memuaskan. Masalah-masalah pengesahan perbelanjaan timbul disebabkan sebahagian rekod-rekod atau dokumen-dokumen penyokong tidak dikemukakan untuk diaudit. Perbelanjaan berjumlah tidak kurang daripada \$100,000 bagi 10 pejabat tidak disokong dengan resit resmi/akaun penerimaan atau bil/penyata tuntutan. Baucer-baucer bernilai \$5,749 bagi Ibu Pejabat belum dikemukakan untuk diaudit. Buku-buku stok untuk mengawal penerimaan dan pengeluaran borang resit dan lain-lain dokumen kewangan tidak diselenggarakan dengan memuaskan di Ibu Pejabat. Juga buku-buku stok bagi borang resit-resit yang diselenggarakan di pejabat-pejabat FAMA di lain-lain tempat tidak dapat diserahkan kepada audit. Tambahan lagi beberapa perbelanjaan yang tidak selaras dengan peraturan-peraturan Kerajaan telah dilakukan. Walaupun pemerhatian-pemerhatian audit telah dikeluarkan atas perkara-perkara yang tersebut di atas, saya masih belum menerima jawapan-jawapan daripada pihak Lembaga.

KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

HARTA TETAP

Kumpulan Wang Biasa - \$512,043.24

Tanah -\$11,804.19

3. Saya masih belum melihat surat-surat hakmilik untuk tanah-tanah di Parit Raja, Tanjung Karang dan Tangkak yang perbelanjaannya berjumlah \$11,804. Oleh itu saya

tidak dapat mengesahkan bahawa tanah-tanah itu adalah sebenarnya kepunyaan Lembaga. Walau bagaimanapun pihak FAMA sedang dalam proses untuk memperolehi surat-surat hakmilik daripada Pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan.

Pusat-pusat Memproses — \$1,428,314.17

4. Jumlah \$1,428,314 ini ialah nilai harga bersih bagi semua harta tetap di 8 Pusat-pusat Memproses Lembaga. Walau bagaimanapun, saya masih belum melihat daftar-daftar harta tetap bagi 7 pusat-pusat memproses berjumlah \$1,506,760 (KOS). Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan kebetulan nilai harga dan ketentuan tempat harta-harta tersebut.

Tanah — \$105,137.80

5. Seperti yang dinyatakan di perenggan 5 Laporan Audit bagi tahun lalu, saya masih belum melihat surat-surat hakmilik untuk tanah-tanah di Banting, Sabak Bernam Bagan Datoh, Pasir Mas, Bachok, Rengit, Sebangsan dan Kuala Selangor yang perbelanjaannya berjumlah \$105,138. Oleh itu saya tidak dapat mengesahkan bahawa tanah-tanah itu adalah sebenarnya kepunyaan Lembaga. Walau bagaimanapun, pihak FAMA sedang dalam proses untuk memperolehi surat-surat hakmilik daripada Pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan.

HARTA SEMASA

Stok — \$730,471.44

6. Jumlah \$730,471 ini merupakan nilai stok sebanyak \$509,809 di 8 Pusat-pusat Memproses dan nilai stok sebanyak \$220,662 di II Pejabat penjualan. Menurut Nota 3 kepada Akaun-akaun, semua stok-stok Lembaga dinilai atas harga kos atau harga pasaran yang mana rendah. Bagi stok yang berada di 8 pusat-pusat memproses saya tidak dapat menentukan jika nilai yang telah diberikan itu adalah nilai mengikut harga pasaran ataupun nilai mengikut kos oleh kerana kekurangan maklumat. Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan bahawa nilai stok sebanyak \$509,809 di 8 pusat-pusat memproses Lembaga adalah berdasarkan atas harga kos atau harga pasaran yang mana rendah. Juga saya masih belum melihat buku-buku stok bagi 5 dari 8 pusat-pusat memproses itu, dan sijil-sijil stok bagi 6 dari 8 pusat-pusat itu.

7. Saya masih belum melihat buku-buku atau sijil-sijil stok bagi 6 dari II pejabat penjualan. Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan kebetulan nilai stok berjumlah \$184,345 di 6 pejabat itu.

Siberhutang Pelbagai - \$5,102,354.11

8. Termasuk dalam jumlah \$5,102,354 ini ialah \$3.55 juta yang telah diberi kepada Jemaah Pemasaran Lada Hitam sebagai pendahuluan bagi maksud pembangunan sementara menunggu wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Walaupun demikian, pendahuluan itu masih belum dibayar balik oleh Jemaah itu sehingga sekarang oleh kerana perundingan bagi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan masih belum diselesaikan. Juga, dari jumlah ini tidak kurang daripada \$52,000 adalah terdiri daripada hutang-hutang lama yang tidak bergerak semenjak tahun 1975. Pihak Lembaga patut mengambil

tindakan yang lebih berkesan untuk memungut hutang-hutang itu atau menumbangkan jika peruntukan untuk hutang ragu perlu disediakan.

Siberhutang Pendahuluan - \$88,298.11

Pendahuluan Kepada Pekerja - \$1,257.23

9. Dari jumlah \$89,555 ini tidak kurang daripada \$59,000 adalah terdiri daripada baki-baki yang tidak bergerak dari tahun 1977. Pihak Lembaga patut mengambil tindakan yang positif dan sesuai untuk memungut hutang-hutang itu atau menumbangkan jika peruntukan untuk hutang ragu perlu disediakan.

Lain-lain Perkara

10. Lain-lain perkara yang tidak menjejaskan Penyata Kira-kira secara langsung adalah disebutkan dalam perenggan-perenggan yang berikut.

Penyerahan Kira-kira

11. Draf Penyata Kira-kira bagi tahun berakhir 31 Disember 1979 berserta dengan jadual-jadual yang berkenaan telah diserahkan pada kali pertamanya kepada pihak saya dalam bulan Disember 1981. Auditan atas Penyata Kira-kira itu mendedahkan beberapa kesilapan dan ketinggalan dan Penyata tersebut dikembalikan untuk dipinda. Penyata Kira-kira yang muktamad bagi tahun berakhir 31 Disember 1979 telah diserahkan kepada pihak saya hanya dalam bulan Jun 1983.

KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

HARTA

PERBELANJAAN MODAL ATAS PROJEK-PROJEK BELUM SIAP

Pusat Pemasaran Hasil-hasil Pertanian - \$329,225.67

12. Termasuk dalam jumlah \$329,226 ini ialah \$12,010 yang telah dibayar sebagai pampasan untuk memiliki sekeping tanah di Simpang Empat, Krian, Perak untuk pembinaan satu Pusat Pemasaran Hasil Pertanian. Cadangan pembinaan Pusat Pemasaran Hasil Pertanian di Krian (Simpang Empat) telah tidak disokong oleh Kerajaan Negeri Perak kerana di daerah Krian tidak terdapat kegiatan-kegiatan yang memerlukan sebuah Pusat Pemasaran. Kerajaan Negeri telah mencadangkan supaya pembinaan Pusat Pemasaran itu dipindah ke Lenggong atau Grik yang terdapat banyak kegiatan pertanian. Tambahan lagi kajian kemungkinan yang telah dijalankan sebelum pemapasan itu dibayar juga menunjukkan bahawa cadangan pembinaan Pusat Pemasaran Hasil Pertanian di daerah Krian tidak boleh dibina kerana bekalan hasil-hasil pertanian dianggarkan tidak mencukupi. Namun demikian, pihak Lembaga meneruskan pemilikan sekeping tanah luas seekor di Simpang Empat dengan membayar pampasan sebanyak \$12,010. Adalah difahamkan bahawa tanah yang telah diperolehi itu dibiarkan begitu sahaja sekarang dan tiada kerja-kerja pembinaan Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian dibuat.

TANGGUNGAN

Pusat-Pusat Memproses

Kerugian Terkumpul - \$973,240.83

13. Tujuh daripada lapan pusat memproses FAMA, termasuk satu pusat yang telah dimulakan operasi dalam tahun 1979, telah mengalami kerugian sebanyak \$288,781 dalam tahun 1979 manakala satu lagi memperolehi keuntungan sebanyak \$104,697. Terbit daripada ini kerugian terkumpul sebanyak \$789,157 pada akhir tahun 1978 telah meningkat kepada \$973,241 pada akhir tahun ini. Bagi 7 pusat memproses yang telah mengalami kerugian dalam tahun ini, nisbah kos jualan dengan jualan bagi tahun ini dan tahun 1978 adalah seperti berikut:—

	<u>1978</u>	<u>1979</u>
6 Pusat Memproses		
Kelapa Kering	1 : 0.94	1 : 0.96
1 Kilang Kacang		
Tanah	1 : 1.11	1 : 1.16

Tindakan perlu diambil oleh pihak Lembaga untuk mengkaji semula aktiviti-aktiviti ini dengan menyemak semula pengurusan pusat-pusat memproses itu dan polisi menetapkan harga-harga belian dan jualan untuk memperbaiki kedudukan kewangan pusat-pusat memproses itu.

KUMPULAN WANG BIASA PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

PERBELANJAAN

Percetakan Penerbitan - \$88,369.00

Percetakan Kalender — \$65,848.50

14. Termasuk dalam jumlah \$88,369 bagi percetakan penerbitan ialah tidak kurang daripada \$36,000 yang merupakan perbelanjaan untuk percetakan laporan barangan mingguan. Juga termasuk dalam jumlah \$65,849 bagi percetakan Kalender ialah \$64,000 yang telah dibayar kerana mencetak 20,000 kalender bagi tahun 1980. Saya masih belum diberitahu sama ada tender-tender telah dipelawa untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini. Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan sama ada harga-harga yang telah dibayar adalah munasabah dan berpatutan.

PUSAT-PUSAT MEMPROSES FAMA KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

TANGGUNGAN

Pendahuluan dari Kumpulan Wang

Pembangunan - \$1,231,204.97

15. Jumlah ini adalah pendahuluan-pendahuluan dari Kumpulan Wang Pembangunan yang telah diberi kepada Pusat-Pusat Memproses FAMA untuk perbelanjaan belian

jualan dan pengurusan pusat/kilang. Memandangkan kerugian terkumpul telah meningkat dari tahun ke setahun, adalah disangsikan bahawa jumlah pendahuluan ini dapat dibayar balik oleh Pusat-pusat Memproses. Pihak Lembaga perlu mengkaji perkara ini dan ambil tindakan yang sewajarnya.

AM

Anggaran Belanjawan Mengurus

16. Anggaran Perbelanjaan sejumlah \$6,379,400 telah diluluskan oleh Menteri Pertanian dalam anggaran Belanjawan FAMA bagi tahun 1979. Walaupun jumlah perbelanjaan sebenar sebanyak \$6,159,683 bagi tahun 1979 melebihi anggaran perbelanjaan yang diluluskan dengan sebanyak \$575,272. Saya masih belum melihat kelulusan Lembaga atas kelebihan perbelanjaan itu.

Anggaran Belanjawan Pembangunan

17. Menurut rekod-rekod FAMA Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi tahun 1979 ialah \$29,235,089. Tetapi menurut kelulusan dari Menteri Pertanian, sebanyak \$23,667,000 telah diluluskan sebagai anggaran pembangunan bagi tahun itu. Saya masih belum diberitahu maklumat dan butiran yang lebih lanjut atas perbezaan sebanyak \$5,568,089 diantar angka menurut rekod FAMA dengan angka yang telah diluluskan oleh Menteri.

Perkara-perkara Yang Belum Selesai

18. Beberapa perkara yang belum selesai dari Laporan Audit yang lalu telah diulang dalam Laporan ini. Selain daripada ini, perkara-perkara yang disenaraikan di dalam Lampiran juga masih belum selesai.

(LEE SIEW KUAN)
b.p. Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR
17hb. Oktober, 1983

Lampiran

(Perenggan 18 Laporan Audit ini)

LAPORAN AUDIT TAHUN 1977

<u>Perenggan</u>	<u>Perkara</u>	<u>Butir-butir</u>
13	Kerugian Kebakaran \$28,806.83	Saya masih belum melihat kelulusan Lembaga untuk menghapuskan nilai bangunan sebanyak \$28,807 dan stok bernilai \$3,084.

LAPORAN AUDIT TAHUN 1978

11	Kumpulanwang Perniagaan	Menurut Penyata Kira-kira FAMA Negeri Terengganu bagi tahun 1978, tidak ada sebarang aktiviti perniagaan dijalankan sepanjang tahun ini. Juga buku-buku resit penerimaan bagi tahun 1978 tidak dikemukakan untuk di Audit. Terbit daripada ini saya tidak dapat menentukan kebetulan penerimaan sebanyak \$13,188 dalam tahun ini. Tambahan pula, saya masih belum diberitahu mengapakah 73 keping resit tidak ditunjukkan dalam buku wang tunai.
12	Anggaran Belanjawan	Saya masih belum melihat kelulusan Lembaga atas kelebihan perbelanjaan sebanyak \$422,845 atas 10 butiran yang telah melebihi anggaran perbelanjaan mengurus yang diluluskan.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

**KUNCI KIRA-KIRA KUMPULAN-KUMPULAN WANG BIASA PEMBANGUNAN
